

Praktis 11 Drama *Hadiah*

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.

PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.

FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.

HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?

FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.

ARAHAN: (*HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.*)

PAK MAIL: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kita orang yang *paling malang* di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

FAUZIAH: (*Sedih*) Entahlah, ayah. Saya ... saya tidak tahu apa nak buat lagi.

PAK MAIL: Kematian Akhbar menyebabkan engkau kehilangan suami. Aku kehilangan menantu. Hayati dan Farid pula kehilangan bapa. Akhbar tidak sempat melihat anaknya yang bongsu, Farid tetapi kita harus berbangga kerana kematiannya itu sebagai seorang pahlawan. Sekarang, kita haruslah berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkannya.

Dipetik daripada drama “Hadiah”, antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1 Apakah maksud perkataan *paling malang* dalam petikan di atas?

- A Rendah kedudukannya
- B Tidak bernasib baik
- C Mudah berputus asa
- D Banyak menerima cabaran

Mentalsir Aros R

2 Sekarang, kita haruslah berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkannya.

Bandingan semacam yang sesuai dengan situasi di atas ialah

- A adil macam hakim.
- B berani macam harimau.
- C cerdik macam pendeta.
- D bebas macam burung.

Mentalsir Aros R

3 Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas.

- A Kasih sayang seorang bapa kepada anak dan cucunya.

B Tidak bergantung hidup dengan orang lain.

C Keprihatinan anak kepada bapanya.

D Mengenang jasa pejuang negara.

Memahami: Menganalisis Aros S

4 Menurut Pak Mail, beliau dan Fauziah harus berbangga kerana

- A Guru Besar sudi menolong Hayati.
- B Tuhan akan menolong mereka.
- C Kematian Akbar sebagai seseorang pahlawan.
- D Hayati berani mewarisi kehidupan yang ditinggalkan oleh ayahnya.

Memahami: Menganalisis Aros S

5 Pilih pernyataan yang benar tentang petikan cerpen di atas.

- A Hayati kehilangan suami.
- B Fauziah kehilangan ayah.
- C Hayati dan Farid kehilangan ibu.
- D Akhbar tidak sempat melihat anaknya yang bongsu, Farid.

Menganalisis: Menyusun Aros T